

**SPESIFIKASI/GARIS PANDUAN MEMBEKAL KERJA-KERJA PENERBITAN DAN PERCETAKAN  
UNTUK “LAPORAN PELAN TINDAKAN BERSEPADU PKS (SMEIPA) 2015”**

Garis panduan ini adalah untuk pembekal yang ingin menawarkan sebut harga bagi penerbitan Laporan Bertajuk “Laporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) 2015”. Secara am, buku ini terbahagi kepada tiga (3) bahagian utama iaitu:

- a) Tinjauan dan Analisa Pencapaian Program 2014
- b) Analisa Perancangan Program 2015
- c) Lampiran Perancangan Program 2015 - Teks akan dibekalkan kepada pembekal.

Pembekal adalah dikehendaki menyediakan perkhidmatan kepada SME Corporation Malaysia yang meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Menyediakan konsep kreatif dan reka bentuk;
- (ii) Melaksanakan kerja-kerja Penyuntingan dan *Proof Reading*; dan
- (iii) Mencetak dan membekal sebanyak 300 naskah buku beserta CD.

**A. SKOP KERJA**

**1. Konsep Kreatif Dan Reka Bentuk**

**a) Penyediaan kreatif dan Reka bentuk**

Pembekal hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi di dalam penyediaan buku “Laporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) 2015”:

- Menyediakan sekurang-kurangnya lima (5) pilihan konsep kreatif bagi reka bentuk kulit buku yang dapat memaparkan isi kandungan buku tersebut untuk dipilih oleh pihak SME Corp. Malaysia (tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan SME Corp. Malaysia);
- Konsep reka bentuk yang dicadangkan perlu juga mengambil kira imej dan peranan SME Corp. Malaysia sebagai agensi penyelaras pusat program pembangunan PKS di Malaysia;
- Menyediakan reka bentuk setiap muka surat;
- Menyediakan konsep kreatif, *type setting*, reka bentuk dalaman bagi setiap muka surat yang meliputi isi kandungan, pembahagi muka surat, graf, jadual, imej dan lain-lain yang berkaitan; dan

- Menyediakan graf/grafik yang bersesuaian dengan isi kandungan laporan. Graf/Grafik haruslah menarik, kreatif dan seragam. Penggunaan warna dan saiz graf/grafik haruslah tidak terlalu menonjol dan besar.

**b) Spesifikasi Buku:**

- Kulit : Matt Art Card 380 gsm / Saiz 176x250 mm
- Isi kandungan : 150 gsm paper size
- Ukuran : B5, 176x250 mm
- Cetakan : 4 warna *matt Lamination* ( kulit dan dalam )
- Muka surat : Sila rujuk Lampiran 2. Harga mengikut kuantiti
- Jilid : Jahit Benang + Gam (*perfect binding*)
- Jumlah Cetakan : 300 naskhah
- Kemasan : *Matte lamination, Embossed* dan *Spot UV*
- Separator : Tagging

**c) Gambar**

- a. Gambar yang bersesuaian perlu disediakan oleh Pembekal.
- b. SME Corp. Malaysia hanya akan menyediakan gambar yang terdapat di dalam simpanannya.

Sekiranya pembekal ingin menggunakan imej daripada *imej bank*, kos penggunaan imej tersebut akan ditanggung oleh pembekal.

**d) Visual Mock-Up**

Pembekal adalah dikehendaki memastikan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:

- a. Menyediakan visual *mock up / dummy* yang akan disemak oleh SME Corp. Malaysia. Jumlah *mock up* adalah bergantung kepada proses penyediaan dan kesempurnaan kerja yang dihasilkan;
- b. Menyediakan sekurang-kurangnya lima (5) set *mock up / dummy* buku Laporan bagi tujuan semakan sebelum proses mencetak;
- c. Menyediakan pruf terakhir iaitu *Colour proof* (sekurang-kurangnya 10 muka surat) yang akan dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia. *Colour proof* perlu dibuat menggunakan cetakan dari filem;

- d. SME Corp. Malaysia berhak menolak *colour proof* yang dirasakan tidak berkualiti;
- e. Menyedia dan memastikan filem untuk cetakan selepas pruf terakhir disimpan dalam keadaan selamat dan baik untuk percetakan semula jika perlu; dan
- f. Deraf akhir perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum dicetak.

## 2. Kerja-kerja Penyuntingan dan *Proof Reading*

### a) Skop Kerja

- Melaksanakan kerja-kerja reka bentuk dan visual bagi percetakan buku pelaporan dengan anggaran sebanyak 300 mukasurat bagi dwibahasa (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) termasuk Ringkasan Eksekutif berserta CD bagi setiap buku.
- Menyemak dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan dan data-data pada graf / histogram / carta / jadual laporan dan lain-lain;
- Pihak SME Corp. Malaysia akan menolak keluaran yang mempunyai kesalahan disebabkan kerja-kerja proof read yang tidak sempurna;
- Pembekal perlu mengenal pasti seorang kakitangan yang akan bertanggungjawab mengenai quality control; dan
- Pembekal perlu menyerahkan deraf dalam bentuk berwarna sebelum colour proof dibuat.

### b) Pereka Grafik

- Kelayakan Pendidikan  
Pereka grafik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai diploma di dalam Art & Design (Graphic Design / Visual Communication) dengan pengkhususan penerbitan dan yang setaraf dengannya;
- Pengalaman
  - Mempunyai pengalaman membuat grafik sekurang-kurangnya selama 10 tahun;
  - Mempunyai pengalaman merekabentuk sekurang-kurangnya 10 penerbitan; dan
  - Syarikat mempunyai studio yang lengkap dengan kemudahan untuk membuat rekabentuk.

### c) Percetakan dan Pembekalan

- Mencetak dan membekalkan 300 naskhah laporan “Laporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) 2015” termasuk Ringkasan Eksekutif;
- Menyerah bahan terbitan yang telah siap dalam tempoh yang ditetapkan;
- Menyerahkan 300 salinan CD. *Softcopy* dalam format PDF dan *Adobe InDesign*;
- Menyerahkan dua salinan master copy – (fail yang boleh digunakan semula / menghasilkan filem; dan
- Kebolehan mencetak Laporan ini dalam jangkamasa lima (5) hari selepas mendapat kelulusan deraf akhir daripada pihak pengurusan SME Corp. Malaysia.

### d) Kelulusan Deraf Akhir

Deraf akhir perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum dicetak.

## B. SYARAT

Pembekal perlulah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

1. Mengemukakan perkara-perkara seperti di bawah semasa menawarkan sebut harga.
  - Sekurang-kurangnya lima set visual mock up kepada SME Corp. Malaysia yang mengandungi perkara-perkara berikut:
    - Reka bentuk muka depan;
    - Reka bentuk Muka belakang;
    - Reka bentuk *separator*;
    - Reka bentuk *Table of Content*;
    - Reka bentuk isi kandungan yang meliputi graf/grafik, jadual dan carta pie.
  - Contoh kertas dan contoh fail PDF yang dicadangkan;
  - Contoh penerbitan laporan/majalah yang pernah disediakan oleh pembekal.
2. Pemilihan pembekal akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan. Hanya pembekal yang berjaya sahaja akan dihubungi.
3. Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya:
  - Tidak mematuhi jadual pengeluaran yang ditetapkan;
  - Tidak memenuhi skop kerja yang telah dipersetujui;
  - Tidak membekalkan bahan mengikut dalam spesifikasi, contohnya seperti jenis kertas.
  - Apa-apa sahaja yang diistilahkan sebagai melanggar syarat.

4. Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima invoice daripada pihak pembekal.
5. Pembekal perlu memberikan kos secara terperinci mengikut pecahan yang ditetapkan seperti di **Lampiran 2** dan melengkapkan Jadual Pematuhan di **Lampiran 3**. Sebarang ketidakpatuhan akan menyebabkan permohonan ditolak.



## JADUAL PEMATUHAN

(Pembekal dikehendaki meletakkan tanda ✓ di kolom kosong bagi memastikan pematuhan skop kerja serta syarat-syarat yang dikenakan)

BIL.	BUTIR-BUTIR	PEMATUHAN
<b>A</b>	<b>PENYEDIAAN KONSEP KREATIF DAN REKA BENTUK</b>	
A1.	Muka depan: Menyediakan konsep dan reka bentuk kulit buku yang dapat memaparkan isi kandungan buku. Logo SME Corp. Malaysia hendaklah di paparkan di muka hadapan.	
A2.	Muka belakang: Logo SME Corp. Malaysia hendaklah dipaparkan di muka belakang buku	
A3.	Konsep reka bentuk yang dicadangkan perlu juga mengambil kira imej dan peranan SME Corp. Malaysia sebagai agensi penyelaras pusat program pembangunan PKS di Malaysia	
A4.	Menyediakan konsep kreatif dan reka bentuk menarik (dari segi <i>layout</i> , penggunaan warna, ruang dll)	
<b>B.</b>	<b>KERJA-KERJA <i>TYPESETTING</i>, PENYUNTINGAN, <i>PROOF READING</i> DAN <i>COPYWRITING</i></b>	
A1.	Menyemak dan memastikan tiada kesalahan ejaan dan data-data pada graf/histogram/carta/jadual laporan	
A2.	Menyediakan deraf berwarna untuk kelulusan sebelum <i>colour proof</i>	
A3.	Menyedia <i>colour proof</i> untuk dipersetujui sebelum cetakan dibuat	
<b>C</b>	<b>SPESIFIKASI BUKU</b>	
C1	Kertas Cover <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kulit – Matt Art Card 380 gsm / Saiz 176x250 mm</li> </ul> <b>Kemasan</b> : <i>Matte lamination, Embossed</i> dan <i>Spot UV</i>  Isikandungan <ul style="list-style-type: none"> <li>• 130gsm Hanosilk Teks – 150 gsm ; B5, 176x250 mm;; Separator: Tagging</li> </ul>	
C2	Ukuran <ul style="list-style-type: none"> <li>• 9 inci x 9 inci (<i>close</i>)</li> <li>• 18 inci (<i>open</i>)</li> </ul>	
C3	Cetakan <ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 warna</li> </ul>	
C4	Jilid <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jahit Benang + Gam</li> </ul>	

<b>BIL.</b>	<b>BUTIR-BUTIR</b>	<b>PEMATUHAN</b>
C5	Jumlah Cetakan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 300 untuk dwi bahasa</li> </ul>	
C6	Mukasurat: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 300 muka surat</li> </ul>	
<b>D</b>	<b>RANGKA KERJA PENERBITAN</b>	
<b>E</b>	<b>VISUAL MOCK-UP</b>	
<b>F</b>	<b>PEMBEKALAN</b>	